

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 SEPTEMBER 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Microsoft serah anugerah kecemerlangan eKerajaan	Berita Harian
2	Anugerah manfaat teknologi inovatif	Harian Metro
3	Microsoft present excellence award to Govt	The Star
4	Microsoft hargai kerajaan Malaysia dengan anugerah kecemerlangan eKerajaan	Bernamea.com
5	Kedah wujud rancangan khas pembangunan industri buluh - Mukhriz	Bernamea.com
6	Kerajaan cari jalan penyelesaian isu hak tanah di kampung Sinurai, Ulu Sugut	Bernamea.com
7	SESB perkukuh system penjanaan elektrik di Ranau	Bernamea.com
8	Idea hebat generasi muda	Berita Harian

Microsoft serah Anugerah Kecemerlangan eKerajaan



Noorul Ainur menerima Anugerah Kecemerlangan eKerajaan daripada Courtois (kanan) sambil diperhatikan Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, Carlos Lacerda pada majlis penyerahan anugerah sempena Sidang Kemuncak Kerajaan Inovatif 2.0, di Putrajaya. [FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Putrajaya: Microsoft menganugerahkan Anugerah Kecemerlangan eKerajaan kepada kerajaan Malaysia atas inisiatif dan peranan negara menggalakkan penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Presiden Microsoft Interna-

tional, Jean-Philippe Courtois, yang menyampaikan anugerah itu kepada Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur, semalam, berkata pihaknya mengiktiraf usaha kerajaan

menerapkan ICT dalam pengurusan sektor awam.

"Malah, Malaysia tidak berhenti setakat itu sahaja, sebaliknya rakyat digalak menggunakan ICT dalam urusan dengan kerajaan, sekali gus mewujudkan masyarakat celik

komputer, selain memantapkan sistem pentadbiran kerajaan.

"Microsoft sedia menyumbang kepada transformasi Malaysia melalui tiga aspek iaitu transformasi dalam bidang pendidikan, perniagaan dan cara hidup rakyat.

"Wawasan 2020 Malaysia adalah sasaran yang sangat mengujakan dengan matlamat untuk mencapai sistem penyampaian kerajaan yang berkesan dan secara tidak langsung, mewujudkan lebih banyak usahawan muda mahir ICT," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan anugerah sempena Sidang Kemuncak Kerajaan Inovatif 2.0, di sini.

Teroka inovasi baharu

Bertema Khidmat Rakyat - Peralihan Daripada Kaunter ke pengkomputeran Awan, sidang media pada kali ini disertai Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bagi meneroka inovasi baharu ke arah transformasi menerapkan ICT dalam tadbir urus kerajaan.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, dalam teks ucapan yang dibacakan Noorul Ainur, berkata pembangunan ICT dalam sektor awam perlu berpandukan beberapa dasar asas seperti akses, keberkesanan dari segi kos, tambah nilai, ketelusan, produktiviti dan inovasi.

"Pertumbuhan yang dicapai mesti bersifat holistik dan menyeluruh, barulah hasilnya dapat membantu dalam pembangunan modal insan," katanya.

Anugerah manfaat teknologi inovatif

Putrajaya: Malaysia menerima pengiktirafan khas, Anugerah Kecemerlangan e-Kerajaan oleh Microsoft International semalam selepas memanfaatkan teknologi inovatif dalam mengubah landskap pengurusan sektor awam di negara ini.

Anugerah itu disampaikan oleh Presiden Microsoft International Jean Philippe Courtois kepada Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur pada Sidang Kemuncak Inovasi Kerajaan 2.0, di sini, semalam.

Noorul Ainur berkata, kerajaan kini meningkatkan usaha dalam memperkuat sistem penyampaian kerajaan dan mengubahnya kepada idea lebih inovatif bagi memberi keselesaan

kepada semua rakyat.

Beliau berkata, semua naik taraf sistem penyampaian itu tidak boleh dilakukan tanpa kerjasama Microsoft Malaysia.

"Negara kini melakukan pelbagai usaha bagi mencapai objektif pelan strategik teknologi maklumat (ICT) kebangsaan termasuk menggunakan ICT bagi menyokong penggubalan dasar, pembangunan program dan sistem penyampaian kerajaan," katanya ketika membacakan teks ucapan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ali Hamsa pada sidang kemuncak itu, di sini, semalam.

Katanya, kerajaan menyasarkan 90 peratus transaksi perkhidmatan awam atas talian dan 70 peratus perkhidmatan komunikasi atas talian.



NOORUL Ainur (tengah) menerima Anugerah Kecemerlangan e-Kerajaan daripada Courtois (kanan).

Microsoft presents excellence award to Govt

PUTRAJAYA: The Government has been recognised by software giant Microsoft for its efforts in implementing innovative technology to transform the civil service.

The eGovernment Excellence Award was presented by Microsoft International president Jean-Philippe Courtois to Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

In his speech, Courtois reaffirmed

the company's commitment in working with Malaysia to transform the public sector.

"We started here in 1992 and today, we have two offices (in Malaysia) with more than 250 employees.

"This is a key indication of our partnership (where we have) more than 5,000 partners in Malaysia," Courtois said at a ceremony during the one-day Innovative Government 2.0 Summit here yesterday.

The Government, said Dr Noorul, was rolling out an aggressive implementation of approaches to meet objectives under the National Information and Communications Technology (ICT) Strategic Plan.

Among these were for 90% of public services and transactions to be made available online and for 70% of intra-government communications to be carried out online.

Some of the initiatives being undertaken include the consolida-

tion of Government data centres, cloud and mobile computing, and a digital document management system.

"The development and implementation of ICT in the public sector should be guided by the principles of speed, access, cost-effectiveness, value creation and addition, transparency, productivity and innovation," Dr Noorul said on behalf of the Chief Secretary to the Government.

